PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)
KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut :-

BIL	TAJUK PROJEK	TARAF	BERDAFTAR	BIDANG	HARGA DOKUMEN
i)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/27/2012** Kerja-Kerja Membaikpulih Bilik Penerangan Dan Bilik Keselamatan di Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	**Bumiputera**	**Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)**	**Kelas F Kepala 1 sub – kepala 1 (kerja-kerja am)**	**Percuma**
ii)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/28/2012** Kerja-Kerja membaikPulih Dewan Raja Lumu Di Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam				
iii)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/29/2012** Kerja-Kerja membekal dan Memasang Penutup Longkang Konkrit Termasuk Kerja Pembersihan dan Kerja-Kerja Awalan di Bangunan Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam				
iv)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/30/2012** Kerja-Kerja membina Ruang Pejabat Di Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor				
v)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/31/2012** Kerja-Kerja Menukar Serta MembaikPulih Pintu Rintangan Api di Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam				
vi)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/32/2012** Membekal Dan Memasang Kelengkapan Sistem Siaraya (Public Address) Serta menguji Dan Mentauliah di Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	**Bumiputera**	**Kementerian Kewangan Malaysia Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor**	**040100**	**Percuma**
vii)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/33/2012** Membekal Fotografi Dan Peralatan untuk Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor			**040601**	
viii)	**SEBUT HARGA : SH/PADAT/UKP/34/2012** Membekal Peralatan Muzik Untuk Kumpulan Kesenian Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor			**070300**	

Taklimat tapak adalah diwajibkan untuk perkara i) , ii) , iii) , v) dan vi) pada 23/10/2012 (Selasa) jam 10.00 pagi berkumpul di Auditorium Daeng Chelak, bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

Taklimat tapak adalah diwajibkan untuk perkara iv) pada 24/10/2012 (Rabu) jam 10.00 pagi berkumpul di Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor

1. Penyebut harga yang berminat adalah dinasihatkan supaya melawat tapak dan tempat sebagaimana tersebut di atas.

2. Dokumen sebut harga boleh di ambil dari pejabat **Bahagian Khidmat Pengurusan, Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), d/a Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, Persiaran Bandaraya, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan mulai 23 Oktober , 2012 hingga 29 Oktober, 2012** semasa waktu pejabat seperti berikut :-

HARI	MASA
Isnin - Jumaat	**8.30 pagi – 12.30 tgh** **2.30 petang – 4.45 petang**

3. Sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa dokumen-dokumen **ASAL SIJIL PENDAFTARAN** yang masih sah tempoh yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia, Pusat Khidmat Kontraktor dan Sijil Akuan Pendaftaran Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor.** Salinan-salinan perakuan dan/ atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya.

4. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang berlakri dan ditulis disebelah kiri sampul jenis kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang terletak di :

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PERBADANAN ADAT MELAYU DAN WARISAN NEGERI SELANGOR (PADAT)
D/A BANGUNAN MUZIUM SULTAN ALAM SHAH
PERSIARAN BANDARAYA
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

Pada atau sebelum **30/10/2012 (Selasa) jam 12.00 tengah hari.** Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) tidak terikat menerima sebut harga yang terendah.

Di keluarkan oleh:

Bahagian Kewangan dan Pembangunan Fizikal
Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)